

0418

U B793 AAB
MAHATHIR - NUKLEAR
DARIPADA ABDUL RACHMAN NORODIN DAN LESLIE LIM
(I)

NEW DELHI, 31 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ASEAN AKAN MENYAMBUT BAIK APA-APA LANGKAH PERTUBUHAN ASIA SELATAN MENGENAI KERJASAMA SERANTAU (SAARC) UNTUK MENGADAKAN SATU DIALOG ANTARA KEDUA-DUA PERTUBUHAN SERANTAU ITU.

BAGAIMANAPUN, ASEAN TIDAK BERMINAT MEMBUAT PENILAIAN MENGENAI PERSAMAAN KEKUKUHAN ANTARA NEGARA-NEGARA ANGGOTA SAARC YANG MELIPUTI INDIA, SRI LANKA, BANGLADESH, PAKISTAN, MALDIVES, BHUTAN DAN NEPAL, KATANYA.

BELIAU MENJAWAB SOALAN PARA PEMBERITA MALAYSIA MENGENAI PERSOALAN HUBUNGAN ANTARA ASEAN-SAARC KETIKA DIPERTIMBANGKAN, SAMA ADA SAARC SEBUAH PERTUBUHAN YANG KUKUH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +KITA TIDAK BERMINAT DALAM MEMBUAT PENILAIAN MENGENAI HUBUNGAN MEREKA TETAPI IA PENTING JIKA MEREKA SEBAGAI SEBUAH KUMPULAN, INGIN BERDIALOG DENGAN KITA. SAYA FIKIR KITA HARUS TIDAK MENOLAKNYA, KITA SEHARUSNYA MENYAMBUT BAIK.+

PERKARA ITU JUGA DITIMBULKAN DALAM PERBINCANGAN DUA JAM ANTARA BELIAU DENGAN PERDANA MENTERI INDIA ENCIK RAJIV GANDHI SEMALAM. DATUK SERI DR MAHATHIR BERADA PADA HARI KETIGA DALAM RANGKA LAWATAN RASMI EMPAT HARI KE INDIA -- LAWATAN KEDUA SELEPAS TAHUN 1981. -- LAGI

2211MST 31 01 87

U B794 AAB
MAHATHIR - NUKLEAR 2 NEW DELHI
(I)

SEMASA DITANYA SAMA ADA KONSEP KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN) ADA PERTALIAN DENGAN KAWASAN BEBAS NUKLEAR INDIA DI LAUTAN HINDI, BELIAU BERKATA KEDUA-DUA KONSEP ITU ADALAH BERKAIT RAPAT KERANA LAUTAN HINDI BERKAITAN DENGAN SELAT MELAKA DAN PASIFIK SELATAN.

+JIKA SELURUH KAWASAN IALAH ZON BEBAS NUKLEAR, IA AKAN MENJADI SANGAT BAIK TETAPI IA DILUAR KUASA KITA. KUASA-KUASA BESAR YANG BOLEH MENENTUKANNYA,+ TAMBAHNYA.

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU, 15 TAHUN LEPAS TELAH MENGISYTIHARKAN LAUTAN HINDI SEBAGAI ZON BEBAS NUKLEAR. -- BERNAMA
2218MST 31 01 87